



SHAIKH Harun (belakang empat kanan) bersama muallaf yang ditaja Maimdam untuk mengerjakan umrah. - Gambar NSTP/BAHAROM BAKAR

## Saran TH perkenal semula kuota khas haji fakir, miskin, muallaf

**Kuala Terengganu:** Lembaga Tabung Haji (TH) disarankan memperkenalkan semula kuota khas haji seperti dilaksanakan pada tahun 2017 bagi membolehkan golongan fakir, miskin dan muallaf dari negeri ini menunaikan ibadah haji.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam), Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, Maidam bersedia mem-

*HARIAN METRO 28/10/2023 M/C:12*

biayai kos menunaikan rukun Islam kelima itu jika TH bersetuju memperkenalkan semula kuota itu.

“Beberapa ketetapan akan diambil kira termasuk berusia 50 tahun ke atas, sihat tubuh badan

serta fasih membaca al-Quran,” katanya kepada media selepas merasmikan Majlis Anugerah Insentif Pakej Menunaikan Umrah Peserta Tilawah, Hafazan al-Quran, Azan dan Kuiz Saudara Kita, di

Dewan Kompleks Darul Hidayah, di sini.

Turut hadir Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Zakat) Maimdam, Nazli Amirri Ngah.

Shaikh Harun berkata, Maidam mengadakan per-

bincangan dengan pengurusan TH bagi tujuan terbabit.

“Kita akan bincang dan minta agar pengurusan TH meluluskan permohonan kuota tambahan menunaikan haji terutama kepada Maidam,” katanya.